



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Februari 2021  
15 Rejab 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cemar sungai : Pengusaha ikan keli didakwa</li><li>• Angin bentara punca tangkapan merosot</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penternak keli didakwa laku tindakan khianat</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengusaha keli nafi khianat</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Biak ikan laga ikut YouTube</li><li>• Pengusaha kolam ikan keli didakwa</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Now	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Free Malaysia Today	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		12	24/2/2021

# Cemar sungai: Pengusaha ikan keli didakwa

WAM M{S 12  
24/2/2021

Oleh NORLIZAH ABAS  
utusannews@mediamulia.com.my

**HULU SELANGOR:** Seorang pengusaha kolam ikan keli mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, di sini semalam atas pertuduhan melakukan khianat dengan cara melepaskan bahan buangan ke Sungai Selangor, Disember tahun lalu.

Tan Kim Hong, 61, didakwa melakukan perbuatan itu dengan mengetahui bahawa ia mungkin akan menyebabkan berlaku kesusutan terhadap bekalan air minuman.

Kesaianah itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Mukim Serendah, Hulu Selangor, di sini pada 7 Disember tahun lalu.

Benarkan itu, pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya, jika sah kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Mohd. Asnawi Abu Hanipah tidak menawarkan jaminan

TAN Kim Hong ketika hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Bharu, Selangor, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO



terhadap tertuduh memandangkan kesalahan yang dilakukan serius dan tidak boleh dijamin.

"Kes ini telah menyebabkan kira-kira lima juta pengguna air di 1,000 kawasan di Selangor terjejas selama lapan jam dan merupakan kali keempat berlaku sejak Januari tahun lalu.

"Namun dalam kes ini mahkamah mempunyai budi bicara untuk memberi jaminan

terhadap tertuduh," kata Mohd. Asnawi.

Bagaimanapun, peguam Zulfahmi Abu Bakar yang mewakili tertuduh memohon mahkamah memberikan jaminan rendah dengan alasan tertuduh mempunyai tanggungan keluarga.

"Sekiranya jaminan diberikan, tertuduh bersedia menyerahkan pasport kepada mahkamah," katanya.

Hakim Nurul Mardhiah Mohamed Redza membentarkan tertuduh diakat jamin RM400,000 dengan seorangan pemberjanian serta syarat tambahan bahawa tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah selain melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

"Tertuduh juga dilarang mengganggu saksi-saksi dan sekiranya syarat-syarat itu dilanggar mahkamah akan menarik semula jaminan," katanya.

Tarikh 24 Mac ini ditetapkan untuk sebutan semula kes.

Pada 24 Disember tahun lalu, seorang pengusaha kolam ikan keli dan empat pekerjaannya dilaporan ditahan selepas disyaki terlibat dalam kes pencemaran air Loji Rawatan Air Sungai Selangor 1, 2 dan 3 serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang pada 7 Disember tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jernayah Selangor, Datuk Fadil Ahmad berkata, hasil siasatan awal mendapati pelepasan air dari kolam ikan keli di Serendah itu menjadi pencemaran yang menyebabkan loji rawatan dihenti tugas.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		31	24/2/2021

# Angin bentara punca tangkapan merosot

Oleh AMRAN MULUP  
utusanne@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Sebahagian besar nelayan di Pantai Puteri dekat sini, mengalami detik mengecewakan apabila sejak sebulan lalu hasil tangkapan mereka merosot teruk. Ia akibat cuaca tidak menentu terutama angin bentara yang cukup sinonim dalam kalangan mereka yang kini melanda perairan Selat Melaka.

Jika sebelum ini turun ke laut mereka mampu meraih pendapatan antara RM150 hingga RM300 setiari, namun keadaan itu tidak dapat dirasakan oleh nelayan dekat sini.

Kali ini, setiap kali melabuh jaring di perairan Selat Melaka, ada yang balik tangan kosong yang mana kalau ada pun hasil tangkapan, pendapatan hasil menjual ikan mereka hanya mampu meraih sekitar RM20

hingga RM40 sehari.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Shaari Rabu, 52, berkata, pendapatan mereka merosot hampir sebulan kerana keadaan cuaca tidak menentu dan angin bentara pula menyebabkan jaring sepanjang 700 meter yang dilabuh hanya menangkap antara tiga hingga lima kilogram ikan sehari.

"Awal pagi semalam, saya menarik jaring dan hasilnya saya menaikkan hanya anak ikan parang dan anak tenggiri. Hasil jualan RM28 sahaja. Bayangkan betapa sekannya mencari rezeki pada masa sekarang. Kelmarin, saya hanya meraih pendapatan sebanyak RM40 sahaja.

"Dua hari sebelum ini tidak ada hasil tangkapan. Saya balik tangan kosong. Ikan apa pun tidak dapat ditangkap walaupun saya pasang dua jaring hanyut sepanjang 600 meter," katanya.

Shaari berkata, walaupun pendapatan tidak seberapa ramun dia tetapi juga turun ke laut dan mengharapkan ada rezeki lebih untuk menanggung isteri dan lima anaknya.

Seorang lagi nelayan yang juga bekas pesara tentera, Abdul Zamzuri Abdulrahman, 51, berkata, hasil tangkapannya merosot teruk hingga menjaskar pendapatan harianinya.

Menurutnya, tiupan angin bentara menyebabkan air laut sejuk menjadi punca hasil tangkapannya merosot sejak hampir sebulan lalu malah beberapa hari lalu dia balik dengan tangan kosong.

"Semalam, hasil tangkapan saya sedar meraih pendapatan sebanyak RM20. Musim ikan tidak banyak merata tempat saya melabuh jaring dan dapat hanya beberapa kilogram. Keadaan ini sudah berlarutan hampir sebulan," ujarnya dengan nada kecewa.



SHAARI Rabu (kanan) dan rakananya, Sabri Yaacob menunjukkan hasil tangkapan anak ikan parang dan tenggiri yang dijual sebanyak RM28 di Pantai Puteri, Melaka, semalam. - UTUSAN/AMRAN MULUP

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	PC	BH M/S 19 Disember 2020				19	24/2/2021



Laporan disiarkan BH 9 Disember 2020.

# Penternak keli didakwa laku tindakan khianat

Tertuduh lepas sisa buangan kolam ke Sungai Selangor

Oleh Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Kubu Bharu:** Seorang penternak ikan keli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas tuduhan melakukan perbuatan khianat dengan melepaskan bahan buangan dari kolam ternakan itu ke dalam Sungai Selangor pada Disember tahun lalu.

Mengikut kertas pertuduhan, Tan Kim Hong, 61, didakwa menyebabkan bahan buangan dari sebuah premis dilupuskan ke dalam alur air yang akan mengalir ke Sungai Selangor dengan mengetahui bahawa ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi mak-sud minuman manusia.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah premis penternakan ikan keli di Serendah, Hulu Selangor dekat sini pada 7 Disember 2020.

Kim Hong didakwa mengikuti Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara lima tahun hingga

30 tahun dengan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Dia bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan diajam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Nurul Mardhiah Mohammed Redza.

Terdahulu, Timbalan Pendaikwa Raya, Mohd Asnawi Abu Hanipah, tidak menawarkan jaminan memandangkan kesalahan

yang dilakukan tertuduh tidak boleh dijamin.

Katanya, kes itu menyebabkan kira-kira lima juta pengguna air di 1,000 kawasan di Selangor terjejas selama lapan jam dan ia adalah kes pencemaran keempat sejak Januari 2020.

"Sekiranya mahkamah ingin memberikan jaminan, mohon jaminan yang cukup tinggi bagi menunjukkan mahkamah memandang serius kes sebegini," katanya.

Nurul Mardhiah menetapkan 24 Mac depan untuk sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh dilikat jamin RM400,000 berserta syarat tambahan menyerahkan pasport miliknya kepada mahkamah dan melaporkan diri di balai polis berhampiran pada setiap 1 haribulan.

Kim Hong yang diwakili peguam, Zulfahami Abu Bakar juga dilarang mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Pada 24 Disember tahun lalu, pengusaha itu bersama empat pekerjaanya ditahan selepas disyaki terbabit dalam kes pencemaran air di Loji Rawatan Air Sungai Selangor (LRA) 1, 2 dan 3 serta LRA Rantau Panjang pada 7 Disember tahun yang sama.

**Sekiranya mahkamah ingin memberikan jaminan, mohon jaminan yang cukup tinggi bagi menunjukkan mahkamah memandang serius kes sebegini.**

**Mohd Asnawi Abu Hanipah, Timbalan Pendakwa Raya**

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU					
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL			6	24/2/2021

HM M/S 6 24/2/2021

## Pengusaha keli nafi khianat

**Kuala Kubu Bharu:** Seorang pengusaha kolam keli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan khianat dengan melepaskan bahan buangan daripada premisnya ke dalam Sungai Selangor dan menyebabkan susut bekalan air, Disember lalu.

Bagaimanapun, tertuduh Tan Kim Hong, 61, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Nurul Mardhiah Mohammed Redza.

Lelaki itu didakwa melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan dari premis dilupuskan ke dalam alur yang mengalir ke dalam Sungai Selangor dengan mengetahui ia menyebabkan susut bekalan air bagi maksud minuman manusia di premis penternakan keli di Serendah, Hulu Selangor, dekat sini, pada 7 Disember 2020.

Pendakwaan dikemuka-

kan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya, jika sahit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Mohd Asnawi Abu Hanipah tidak menawarkan jaminan memandangkan kesalahan dilakukan tertuduh tidak boleh dijamin.

"Kes ini juga menyebabkan lima juta pengguna air di 1,000 kawasan di Selangor terjejas lapan jam. Kes ini adalah pencemaran keempat sejak Januari 2020.

"Sekiranya mahkamah memberikan jaminan, mohon jaminan cukup tinggi bagi menunjukkan mahkamah memandang serius kes sebegini," katanya yang mengendalikan kes bersama Timbalan Pendakwa Raya Ashyraf Ashyari Kamuzaman.

Sementara itu, peguam Zulfahami Abu Bakar yang mewakili Tan memohon

jaminan rendah, dengan mengambil kira faktor ekonomi tertuduh yang terjejas disebabkan pandemik Covid-19.

"Anak guam saya sedia menyerahkan pasport kepada mahkamah dan dia juga menanggung keluarga termasuk seorang anak bersekolah," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM400,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri di balaik polis berdekatan setiap haribulan dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 24 Mac ini untuk sebutan semula kes. -Bernama



TAN dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan khianat dengan melepaskan bahan buangan daripada premisnya ke dalam Sungai Selangor menyebabkan susut bekalan air, Disember tahun lepas.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		20 24/2/2021

20



## WARNA-WARNI KEHIDUPAN

# Biak ikan laga ikut YouTube

Wartawan sambilan biak ikan laga sebagai sumber pendapatan

Oleh ASYIKIN ASMIN

TUARAN

Bermula sebagai hobi akhirnya ikan laga atau dikenali sebagai Benoa yang diperihara kini menjadi sumber pendapatan seorang wartawan sambilan di daerah ini.

Recqueal Raimi, 30, yang menetap di Kiulu berkata, idea itu bermula apabila adiknya yang menghidap autisme memintanya memelihara ikan laga

sebelum menyarankan supaya menjualnya kepada peminat ikan berkenaan.

"Ia bermula awal Januari tahun lalu apabila adik bongsu saya, Roland Roy yang berusia 15 tahun meminta saya membawa ikan ini.

"Saya tiba-tiba permintaannya kerana teringatkan zaman kanak-kanak saya yang pernah membeli ikan laga. Memelihara ikan laga ini mudah kerana tidak memerlukan pam air," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Recqueal, bermula dengan hanya tujuh ekor ikan laga dengan kos RM150, akhirnya berjaya membekalkan lebih 50 anak ikan pada rancangan itu.

"Saya cuba dapatkan ilmu daripada rakan-rakan setia berayak membaca di Google. Saya juga pelajari di YouTube cara-cara membekalkan ikan ini."

"Pada Mac tahun lalu, kami berjaya memelihara dua pasang ikan laga ini dan hasilnya sebanyak 30 anak ikan berjaya dibekalkan dengan baik."

"Sejak itu, kami menerci lebih banyak induk spesies ikan laga dan cuba biakkannya sebaik mungkin. Ia juga dapat menggembirakan adik saya," katanya.

Recqueal berkata, selesai Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada September lalu, pendapatannya sebagai wartawan sambilan mulai terjejas ditambah kekerasannya dicuri, menyebabkan dia terpaksa bergantung dengan waduk simpanan.

"Pada masa sama, ikan laga ini semakin bertambah manakala ruang mulai terhad.

"Kami terpaksa beri secara



Roland Roy banya membantu ibangnya. Recqueal memelihara ikan laga di Tuaran. Sabah.



Sebahagian ikan laga yang dibekalkan Recqueal di rumahnya.



Antara jenis ikan laga yang ditemui Recqueal di rumahnya di Tuaran.

percuma kepada jiran di kampung dan ahli keluarga terdekat kerana jumlah anak ikan mencapai sehingga 300 ekor.

"Pada November lalu, adik saya sarankan supaya anak-anak ikan itu dijual. Saya cuba menjualnya kepada kenalan dan tidak menyangka mendapat sambutan luar biasa daripada orang ramai. Ada juga yang membekalkan secara borong untuk dijual di kedai dan ada individu yang beli borong untuk dijual di Facebook."

"Permintaan semakin meningkat terutama sejak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Ramai permintaan ikan hiaskan manu membezinya," katanya.

Recqueal berkata lagi, rakan-rakannya turut menyokong usaha itu sehingga hasil jualan tersebut berjaya menampung perbelanjaan harianya.

"Walaupun belum begitu menguntungkan kerana anggaran kos selenggara mencapai RM1,500, namun ia masih membantu untuk bertahan. Hasilnya kini dapatlah saya bayar bil dan

beli barang keperluan keluarga.

"Untuk seimbangkan kos selenggara, saya juga menggunakan bahan yang sedia ada seperti botol air terpakai untuk dijadikan balang dan daun ketapang sebagai pati," katanya.

Terdahulu, Recqueal berkata, usaha itu dilakukan bersama adiknya yang banyak membantu menjaga ikan tersebut.

"Saya pun akan buat penghantaran jika ada permintaan sekitar Tuaran. Semasa PKP itu, saya terpaksa menggunakan perkhidmatan syarikat penghantaran ke seluruh Sabah.

"Antara jenis ikan laga yang ada sekarang termasuk Veiltail, Fancy Copper Platik Red Base, Halfmoon, Halfmoon Platik Multicolour, Crowntail, Hal Dumbo dan lain-lain."

"Harga bermula RM5 hingga RM60 seekor. Paket pembelian ada disediakan termasuk hadiah percuma dan diskain. Mereka yang berminat boleh lawati laman Facebook rasmi saya BRC Beta," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	22	24/12/2021

SH MS 22.24.12.2021  
Pengusaha kolam ikan keli didakwa

### KUALA KUBU BHARU

- Seorang pengusaha kolam ikan keli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan melakukan khianat dengan melepaskan bahan buangan dari premisnya ke dalam Sungai Selangor sehingga menyebabkan susut bekalan air. Disember tahun lepas.

Bagaimanapun, Tan Kim Hong, 61, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Nurul Mard-

hiah Mohammed Redza.

Lelaki itu didakwa telah melakukan khianat dengan menyebabkan bahan buangan dari sebuah premis dilupuskan ke dalam alur air yang mana akan mengalir ke dalam Sungai Selangor dengan mengetahui bahawa ia akan menyebabkan susut bekalan air bagi maksud minuman manusia di sebuah premis penternakan ikan keli di Serendah, Hulu Selangor, dekat sini, pada 7 Disember 2020.

Pendakwaan dikemuka-

kan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya (TPR), Mohd Asnawi Abu Hanipah tidak menawarkan jaminan memandangkan kesalahan yang dilakukan tertuduh tidak boleh dijamin.

Kes disebut semula 24 Mac ini. - Bernama